

Publication	Berita Harian	Section /Page No.	Dasar&Pentadbiran / Pg. 7
Date	Thu, 27th Oct 2016	Lead Article	Yes
Headline	Pembangunan Hab Digital Malaysia Tahun Depan		



PM pengerusikan mesyuarat MEB

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) di Bangunan Parlimen, semalam. Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Pembangunan hab digital Malaysia tahun depan

➔ Interaksi pelbagai komuniti guna konsep ruang dalam persekitaran mirip kampus

Oleh Nurhayati Abilah dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my
Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak yakin hab digital Malaysia mampu dibangunkan di lokasi strategik sebagai komuniti perintis menjelang tahun depan. Perdana Menteri berkata, hab yang bakal menjadi pemangkin percambahan idea, inovasi, pendekatan baharu dan interaksi pelbagai komuniti boleh menggunakan konsep gudang, ruang dalam bangunan atau persekitaran mirip kampus. Katanya, matlamat yang bakal memacu kedudukan Malay-

sia sebagai negara maju itu merangkumi kolaborasi sektor swasta dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Tawar perkhidmatan unik
"Hab digital Malaysia bakal menawarkan perkhidmatan unik seperti jalur lebar berkelajuan paling tinggi, penyediaan meja secara pengaliran apabila perlu, pemantauan dan bimbingan.

"Selain itu, Malaysia memperkenalkan kategori baharu pekerja asing berkemahiran tinggi, iaitu peluang untuk membuka perniagaan dan menjamin aliran kemasukan pelabur.

"Kita turut menyasarkan permintaan tinggi terhadap kira-kira sejuta pekerja digital di Malaysia menjelang 2025, selaras pelbagai program pembangunan bakat direncana kerajaan," katanya pada ucapan Forum Ekonomi Digital Malaysia-China dan Hab Inovasi Huawei, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh serta Pengerusi Majlis Perniagaan China Malaysia, Tan Sri Ong Ka Ting.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata usaha berte-

Fakta nombor

17.8 PERATUS

sumbangan digital ekonomi kepada KDNK pada 2015

20 PERATUS

sasaran sumbangan digital ekonomi kepada KNDK pada 2020

70 PERATUS

capaian internet di seluruh negara ketika ini

rusan untuk memacu penggunaan teknologi digital merentasi pelbagai perniagaan, agensi kerajaan dan masyarakat terutamanya berbaloi kerana mencatitkan keputusan memberangsangkan.

Katanya, ia meningkatkan kadar pelaburan langsung asing (FDI) sektor teknologi dan menaik taraf perkhidmatan kerajaan secara dalam talian, selain melonjak sosio-ekonomi rakyat menerusi pelbagai peluang menjana pendapatan digital.

"Sehubungan itu, kerajaan komited meningkatkan capaian internet di seluruh negara yang kini berada pada kadar penembusan 70 peratus bagi memastikan persekitaran ekonomi digital terus mapan," katanya.

Kerjasama strategik
Katanya, sektor perdagangan Malaysia dan China wajar diperkukuhkan menerusi kerjasama strategik pelbagai pihak, termasuk peneraju sektor digital tempatan yang berupaya meneroka peluang perniagaan tanpa sempadan.

Bellu berkata, teknologi digital akan menjadi 'enjin' ekonomi dalam tempoh 10 tahun akan datang, selaras unjuran 100 bilion rangkaian perdagangan.